

**Laporan Mengenai Amalan Terbaik/  
Inovasi Agensi-agensi Sektor Awam**

**SISTEM MAKLUMAT PERKAHWINAN ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG  
(SISTEM e-MUNAKAHAT)**

**Disediakan Oleh :**

**Unit IT, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang**

## **1.0 Latar Belakang Jabatan**

Sejarah Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam telah bermula sebelum merdeka lagi apabila telah wujud lembaga Penasihat Agama Islam yang bertugas sebagai penasihat dan bertanggungjawab mengenai Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Pada tahun 1955, satu jawatankuasa telah dilantik oleh kerajaan negeri Pulau Pinang untuk menubuhkan Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai dan Majlis Agama Islam telah ditubuhkan pada 15 April, 1959 setelah Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang meluluskan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Tahun 1959. Berikutan dengan penubuhan Majlis Agama Islam, kerajaan telah menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) dengan tujuan :

- i. Mentadbir dan memastikan hal-hal yang bersangkutan dengan Agama Islam dalam Negeri Pulau Pinang menurut Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Tahun 1959 sejajar dengan usaha Kerajaan Negeri yang perlu menitikberatkan Hal Ehwal Agama Islam seperti yang termaktub dalam Bahagian I Perkara 3 Perlembagaan Malaysia. Jabatan Agama Islam Pulau Pinang ditugaskan untuk meninggikan dan mengembangkan syiar Islam khususnya supaya kedudukan Agama Islam sebagai Agama Rasmi Negara terjamin dan terpelihara.
- ii. Memberi khidmat nasihat kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) bagi menasihati D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Agong dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan Agama Islam.

JHEAIPP ketika itu mempunyai empat (4) bahagian iaitu Pentadbiran, Mahkamah Syariah, Penerangan, Pelajaran dan Pendidikan serta Masjid Negeri dengan warga seramai 20 orang yang diketuai oleh Yang di-Pertua. Yang di-Pertua Hal Ehwal Agama Islam adalah merupakan Ex-Offico Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai. Jabatan Mufti juga merupakan satu pengisian di bawah JHEAIPP yang berperanan memberikan nasihat dan fatwa dari segi hukum syarak. Perjawatan Jabatan Agama Islam Pulau Pinang terus berkembang sehinggalah pada tahun 1982, terdapat seramai 101 warga.

Seterusnya tahun 1997 fungsi JHEAIPP, Jabatan Mufti dan Mahkamah Syariah dipisahkan berikutan bidang tugas masing-masing yang lebih terfokus. Peranan dan tanggungjawab JHEAIPP terus berkembang selaras dengan perubahan semasa. Oleh kerana itu, JHEAIPP juga telah distruktur semula pada tahun 2007 di mana bilangan perjawatan telah bertambah dari 167 kepada 330. Di bawah penstrukturan ini gred-gred jawatan telah dinaikkan seperti gred jawatan Pengarah, Pegawai Tadbir Agama Daerah, Imam Besar, Imam Masjid Daerah dan Ketua Penolong Pengarah Dakwah yang menunjukkan peranan jabatan yang semakin meningkat. Pada masa ini JHEAIPP mempunyai 265 kakitangan meliputi ibu pejabat, Pejabat Agama Daerah dan Masjid Daerah.

## **2.0 INOVASI**

### **2.1 Latar Belakang Projek Inovasi**

Pada tahun 1996, Kerajaan Malaysia telah menggubal dasar *Electronic Government (EG)* sebagai satu daripada usaha pembaharuan dan reformasi dalam pentadbiran dan pengurusan kerajaan. Bersempena dengan dasar ini, kerajaan telah melancarkan Koridor Raya Multimedia (*Multimedia Super Corridor-MSK*) sebagai satu komponen penting ke arah Wawasan 2020. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam usaha melaksanakan dasar Kerajaan Elektronik melalui sistem pengurusan perkahwinan Islam yang dikenali sebagai E-Munakahat sebagai satu sistem inovasi yang membolehkan fungsi Bahagian Undang-Undang Keluarga Islam dapat dilaksanakan dengan lebih efisien. Pelaksanaan sistem ini telah meletak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang sebaris dengan Jabatan Agama Islam Negeri di Malaysia yang menggunakan sistem pengurusan perkahwinan Islam.

### **2.2 Tujuan Projek Inovasi**

Sistem E-Munakahat mula dibangunkan pada September 2009 bagi menyelesaikan beberapa masalah terutamanya berkaitan dengan rekod Nikah, Cerai dan Rujukan (NCR) dan mula digunakan pada 1 Mac 2010.

Terdapat lima (5) modul utama iaitu Kebenaran Berkahwin, Pendaftaran Perkahwinan, Pendaftaran Cerai, Pendaftaran Rujuk dan Pengeluaran Kad Nikah di mana kesemua modul-modul yang dibangunkan adalah mengikut keperluan yang diguna pakai dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.

### 2.2.1 Ciri-ciri Inovasi

Sistem E-Munakahat menawarkan lima (5) modul utama, iaitu :

<b>BIL</b>	<b>MODUL</b>	<b>KETERANGAN</b>
1.	Kebenaran Berkahwin	Mengeluarkan dokumen kebenaran berkahwin bagi dalam negeri dan luar negara. Modul ini menyediakan perkhidmatan permohonan kebenaran berkahwin <b>secara atas talian (online)</b> di mana pemohon boleh membuat permohonan di mana-mana sahaja.
2.	Pendaftaran Perkahwinan	<p>Mengeluarkan surat perakuan nikah dan cabutan. Maklumat pemohon dan pasangan yang sedia ada akan dicapai dan dikemaskini setelah proses semakan dibuat dan seterusnya surat perakuan nikah akan dicetak. Manakala bagi dokumen cabutan nikah, carian boleh dilakukan dengan pantas iaitu kurang dari 1 minit.</p> <p>Maklumat peribadi, pasangan dan status perkahwinan boleh diperolehi melalui carian <b>atas talian (online)</b> sama ada menggunakan nombor kad pengenalan, pasport atau nama individu atau pasangan. Carian ini boleh dilakukan di mana-mana sahaja yang ada akses internet.</p> <p>Dalam modul ini, laporan-laporan dan statistik tentang perkahwinan dapat disediakan dengan lengkap dan terperinci. Format laporan dan statistik ini boleh diubah mengikut kriteria carian.</p>
3.	Pendaftaran Cerai	Mengeluarkan surat perakuan perceraian dan cabutan. Maklumat pemohon dan pasangan yang sedia ada akan dicapai dan dikemaskini setelah surat pengesahan perceraian iaitu perintah perceraian diterima dari mahkamah dan seterusnya surat perakuan perceraian akan dicetak. Manakala bagi dokumen cabutan perceraian, carian boleh dilakukan dengan pantas

		<p>iaitu kurang dari 1 minit. Modul ini juga menyediakan perkhidmatan Permohonan Pendaftaran Cerai secara <b>atas talian (online)</b> dan boleh dilakukan dimana-mana sahaja.</p> <p>Maklumat peribadi, pasangan dan status perceraian juga boleh diperolehi melalui carian <b>atas talian (online)</b> sama ada menggunakan nombor kad pengenalan, pasport atau nama individu atau pasangan. Carian ini boleh dilakukan di mana-mana sahaja yang ada akses internet.</p> <p>Dalam modul ini, laporan-laporan dan statistik tentang perceraian dapat disediakan dengan lengkap dan terperinci. Format laporan dan statistik ini boleh diubah mengikut kriteria carian.</p>
4.	Pendaftaran Rujuk	<p>Mengeluarkan surat perakuan rujuk dan cabutan. Maklumat pemohon dan pasangan yang sedia ada akan dicapai dan dikemaskini setelah penerimaan proses rujuk atau pengesahan rujuk disahkan oleh Pendaftar dan seterusnya surat perakuan rujuk akan dicetak. Manakala bagi dokumen cabutan rujuk, carian boleh dilakukan dengan pantas iaitu kurang dari 1 minit.</p> <p>Maklumat peribadi, pasangan dan status rujuk boleh diperolehi melalui <b>carian atas talian (online)</b> sama ada menggunakan nombor kad pengenalan, pasport atau nama individu atau pasangan. Carian ini boleh dilakukan di mana-mana sahaja yang ada akses internet.</p> <p>Dalam modul ini, laporan-laporan dan statistik tentang rujuk dapat disediakan dengan lengkap dan terperinci. Format laporan dan statistik ini boleh diubah mengikut kriteria carian.</p>
5.	Kad Nikah	Maklumat perkahwinan akan didaftar di dalam

		<p>modul kad nikah sebelum Kad Nikah Pintar dapat dicetak sendiri oleh JHEAIPP dan diserahkan kepada pemohon serta pasangan. Melalui penggunaan Kad Nikah Pintar, maklumat perkahwinan pada cip pemprosesan kad nikah pintar boleh dibaca dengan menggunakan <i>Portable Card Reader</i>.</p>
--	--	---

## 2.3 Implikasi Kewangan

Sistem e-Munakahat ini dibangunkan oleh Syarikat STT Technologies SDN. BHD. dengan kos RM 59000. Pada masa ini pulangan wang yang boleh dijana oleh sistem tersebut ialah melalui penjualan kad nikah yang berharga RM 15 sekeping.

## 2.4 Proses Pelaksanaan

Sistem e-Munakahat Negeri Pulau Pinang mula dibangunkan pada September 2009 dan telah mula digunakan di seluruh daerah negeri Pulau Pinang pada 1 Mac 2010. Setakat ini, ia telah beroperasi dengan jayanya di seluruh Negeri Pulau Pinang.

## 2.5 Impak Inovasi terhadap Kumpulan Sasar/ Perkhidmatan/ Jabatan

### i. Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan

Sistem e-Munakahat dilaksanakan antaranya bertujuan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan. Produk-produk yang berkualiti seperti Kad Nikah Pintar, Surat Kebenaran Kahwin, Surat Perakuan, Cabutan Nikah, Cerai, Rujuk dan Taklik dapat dihasilkan dengan lebih sistematik. Di samping itu, sistem ini juga dapat membantu mengurangkan ruang penyimpanan data (*paperless*). Had capaian berdasarkan senarai tugas dan setiap aktiviti (kakitangan yang mendaftar, masa, tujuan dan lain-lain) juga dapat direkod secara automatik oleh server. Sistem e-Munakahat juga mampu menyelesaikan semua urusan nikah, cerai dan rujuk secara automatik. Dengan itu, ianya dapat meningkatkan kecekapan, penjimatan masa dan tenaga kerja dalam mengendalikan pengeluaran surat perakuan dan cabutan nikah, cerai dan rujuk, laporan dan statistik.

## **ii. Mengurangkan Kos Operasi.**

Sistem ini juga antara lainnya bertujuan untuk menjimatkan kos operasi dalam jangka masa panjang dan mengurangkan risiko kesilapan yang terjadi akibat kecuaiian / kelalaian tenaga manusia.

## **iii. Menjimatkan Masa.**

Melalui penggunaan sistem e-Munakahat, tempoh operasi / perkhidmatan bagi satu-satu urusan boleh diselesaikan dengan cepat dan tepat serta boleh diakses dari mana-mana lokasi menggunakan pelayar web dengan kebenaran. Selain itu, ianya juga dapat memudahkan proses carian data / maklumat semua pasangan yang berdaftar dengan sistem e-Munakahat atau dengan kata lain dapat mengurangkan masa menunggu. Maklumat Nikah juga adalah terpelihara (turut disimpan di dalam cip kad Nikah dan pelayan pengkalan data).

## **iv. Meningkatkan Tahap Kepuasan Pelanggan**

Penghasilan kad e-Munakahat yang bersaiz MyKad akan memudahkan pengguna untuk menyimpannya di dalam dompet dan ini memudahkan untuk dibawa ke mana-mana sahaja. Selain itu, kad ini juga dapat diguna sebagai pengesahan awal dokumen rasmi status perkahwinan dan dianggap mesra pengguna, tahan lasak dan menarik. Oleh itu, pasangan yang telah berkahwin akan dapat membuktikan status perkahwinan mereka dengan kadar segera. Setakat ini, sambutan dan penerimaan daripada orang ramai adalah amat menggalakkan. Terdapat pemohon-pemohon yang berdaftar di luar negeri Pulau Pinang mengemukakan permohonan Kad Perakuan Nikah Pintar Negeri Pulau Pinang.

## **v. Mengurangkan Risiko Pemalsuan Dokumen**

Melalui penggunaan sistem e-Munakahat ini, risiko kewujudan sindiket pemalsuan dokumen nikah dapat dikurangkan, dan usaha membasmi sindiket pemalsuan dokumen NCR (sifar sindiket) dapat ditingkatkan. Ciri-ciri keselamatan pada dokumen asli yang dihasilkan membolehkan dokumen palsu dikesan dengan mudah.

## **vi. Mengurangkan Kerenah Birokrasi**

Melalui sistem elektronik ini juga, kerenah birokrasi dalam pengurusan Nikah, Cerai dan Rujuk (NCR) dapat dikurangkan.

## Perbandingan Mengenai Kaedah / Sistem Yang Digunakan

### Kebenaran Berkahwin

<b>Sebelum</b>	<b>Selepas</b>
1. Semua maklumat pemohon perlu ditaip berdasarkan format yang ditetapkan menggunakan perisian Microsoft Word bagi setiap permohonan sebelum dicetak. Setelah dicetak, maklumat pemohon tidak disimpan dan akan diubah apabila terdapat pemohon baru.	1. Maklumat pemohon akan boleh dicapai secara automatik berdasarkan maklumat yang telah dimasukkan oleh pemohon sendiri semasa membuat permohonan <i>online</i> .
2. Pejabat Agama Daerah tidak dapat mengesan permohonan kebenaran perkahwin palsu.	2. Pejabat Agama Daerah dapat mengesan permohonan kebenaran perkahwin sama ada palsu atau tidak.
3. Laporan dan statistik disediakan dalam tempoh yang lama. Ketepatan adalah diragui.	3. Laporan dan statistik dapat disediakan dalam tempoh yang singkat, tersusun dan tepat.



## Pendaftaran Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk

<b>Sebelum</b>	<b>Selepas</b>
<p>1. Maklumat perkahwinan, perceraian dan rujuk pemohon perlu ditaip bagi setiap permohonan sebelum dicetak 4 salinan. Setelah dicetak, maklumat pemohon tidak disimpan dan akan diubah apabila terdapat pemohon baru.</p>	<p>1. Maklumat perkahwinan, perceraian dan rujuk pemohon yang sudah tersimpan boleh terus dicapai berdasarkan carian nombor kad pengenalan. Pemohon juga boleh membuat Permohonan Pendaftaran Cerai melalui atas talian (online). Perkahwinan, perceraian dan rujuk boleh didaftarkan dan surat perakuan nikah, cerai atau rujuk boleh dicetak. Maklumat perkahwinan akan disimpan dalam pengkalan data pada server JHEAIPP.</p>
<p>2. Bagi mendapatkan laporan dan statistik, semua data perkahwinan, perceraian dan rujuk perlu dicari dan dikumpul secara manual oleh kakitangan. Tempoh masa yang lama diperlukan untuk memungut data daripada semua Pejabat Agama Daerah. Kesahihan maklumatsangat bergantung kepada ketelitian kakitangan terlibat. Kakitangan terpaksa menghabiskan masa yang lama untuk mengumpul maklumat dari setiap surat perakuan nikah.</p>	<p>2. Laporan-laporan dan statistik-statistik dapat disediakan dengan cepat, lengkap dan terperinci.</p>
<p>3. Pemohon perlu menunggu dalam tempoh 7 hingga 14 hari bagi membolehkan kakitangan membuat</p>	<p>3. Pemohon hanya perlu menunggu dalam tempoh masa 1 minit untuk mendapatkan hasil carian dan pengesahan kerana kakitangan hanya perlu memasukkan</p>

carian secara manual di dalam buku daftar berpandukan maklumat yang diberikan oleh pemohon.	nombor kad pengenalan dalam Sistem e-Munakahat.
---	---

## **2.6 Pengiktirafan Dalam / Luar Negara**

Setakat ini, Sistem e-Munakahat telah memasuki Pertandingan Anugerah Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang tahun 2010 dan keputusan masih belum diketahui.